KKTKW 18/4/2.01/13

Ibu Pejabat Jabatan Ukur
Semenanjung Malaysia
Jalan Gurney
Kuala Lumpur 15-02

25 April, 1984.

## PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL.4/1984
## :: Membekal Satu Salinan Pelan Akui Kepada Juruukur Tanah Berlesen ::

Seksyen 14, Ordinan Juruukur Tanah Berlesen 1958 mensyaratkan bahawa seseorang Juruukur Tanah Berlesen hendaklah mempertaruhkan kepada Jabatan-Jabatan Ukur Negeri, Pelan Akuinya bersama dengan buku-buku kerjaluar yang berkaitan , syit-syit hitungan serta data-data ukur lain setelah kerjaluar selesai.

2. Lembaga Juruukur Tanahpun meminta jasa baik Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan bahawa sebagai satu cara bagaimana seseorang Juruukur Berlesen itu diberitahu secara resminya bahawa Pelan Akuinya telahpun diluluskan dan telah menjadi "deposited plan" , sesalinan Pelan Akui yang telah diluluskan itu dibekalkan kepada Juruukur Berlesen tersebut. Setelah menimbangkan perkara ini, Ibu Pejabat bersetuju atas permintaan Lembaga dan menetapkan bahawa mulai 1 Mei, 1984 Pengarah-Pengarah Ukur dikehendaki membekalkan **sesalinan,** dengan percuma, tiap-tiap pelan Akui yang telah diluluskan olehnya kepada Juruukur Berlesen tersebut bagi memenuhi hasrat tersebut di atas.

Sekian dimaklumkan.

**( ABDUL MAJID BIN MOHAMED )**
Pemangku Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan,
Malaysia.

Tarikh : 25hb. April, 1984.

**Edaran:**
Semua Pengarah Ukur Negeri

**Salinan :**
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pengarah Ukur Pemetaan
Pengarah Ukur Kadastra
Timbalan Pengarah Ukur Pemetaan
Timbalan Pengarah Ukur Kadastra
Timbalan Pengarah Ukur Kadastra (Unit Khas)
Penolong Pengarah Ukur Kadastra (Penyelidikan & Latihan)

Penolong Pengarah Ukur Kadastra (Hakmilik Tanah)
Penolong Pengarah Ukur Kadastra ( Rancangan Tanah)
Setiausaha , Lembaga Juruukur Tanah, Semenanjung Malaysia.

**Error! Not a valid embedded object.**